

BIL	NAMA JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
1.	Penolong Pegawai Pertanian Gred G5	1	<i>Contract Of Service</i>	RM1,650.00	RM6,620.00

\* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).

## 1. PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G5

[1 KEKOSONGAN]

### SYARAT LANTIKAN

1.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) (i) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G5: RM1,650.00); atau

- (ii) Diploma Pertanian, Diploma dalam bidang Hortikultur, Bioteknologi, Perniagaan Tani, Pengeluar Makanan, Agroteknologi/Teknologi Pertanian yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G5: RM1,974.00); atau

- (iii) Diploma Kejuruteraan dalam bidang Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G5: RM2,055.00).

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

1.2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.